

Bahagian bawah rumah dimasuki air sedalam kira-kira 1.5 meter

Detik cemas mangsa banjir

Oleh FARHANA JONI

utusan@sarawak@utusan.com.my

BINTULU 30 Dis. - “Dalam tempoh setengah jam, air sudah naik sehingga paras dada.

“Semua barang-barang dalam rumah termasuk tiga kereta ditenggelami air,” kata **Salahuddin Abdul Wahab** menceritakan pengalaman cemas ketika rumahnya di Taman Beverly Hill di sini dilanda banjir semalam.

Kejadian banjir pukul 4 petang itu menyebabkan semua harta benda

termasuk tiga kereta, perabot dan peralatan elektrik milik Salahuddin, 26, dan dua rakan serumah rosak setelah bahagian bawah rumah dua tingkat dihuni mereka dimasuki air sedalam kira-kira 1.5



SALAHUDDIN

meter.

Menurut Salahuddin, kejadian berlaku terlalu pantas menyebabkan dia bersama dua rakannya tidak sempat menyelamatkan barang-barang di dalam rumah.

“Pada mulanya air hanya naik setinggi buku lali, namun tiba-tiba dalam tempoh setengah jam air naik mendadak sehingga paras dada dan ketika itu kami segera naik ke tingkat atas untuk menyelamatkan diri,” katanya.

Salahuddin yang bertugas dengan sebuah syarikat cari gali minyak dan



Pada mulanya air hanya naik setinggi buku lali, namun tiba-tiba dalam tempoh setengah jam air naik mendadak sehingga paras dada dan ketika itu kami segera naik ke tingkat atas untuk menyelamatkan diri

SALAHUDDIN ABDUL WAHAB

Mangsa

KEADAAN banjir di kawasan perumahan Padawan, Kuching, Sarawak, semalam.

gas memberitahu, ketika paras air naik, salah seorang rakan serumahnya cuba menghubungi pihak bomba untuk meminta bantuan.

Namun dakwanya, setelah air surut masih tiada sebarang bantuan daripada mana-mana pihak tiba di kawasan perumahan yang mempunyai lebih 30 rumah itu.

Katanya, walaupun semua harta

benda rosak teruk, mereka bersyukur kepada Allah kerana masih menyelamatkan nyawa mereka.

Sementara itu di Bau, Kuching, **Hilda Asen**, 25, terpaksa membatalkan hasrat pergi kerja setelah jalan raya yang dilaluinya setiap pagi dinaiki air.

Menurut pembantu tadbir di sebuah jabatan kerajaan itu, ban-

jir yang melanda Jalan Taiton, Bau iaitu kira-kira 50 kilometer dari Kuching menyebabkan dia terpaksa berpatah balik dan cuba menggunakan laluan alternatif lain.

“Saya cuba menggunakan laluan alternatif lain walaupun jalan tersebut agak jauh untuk ke bandar raya tetapi malang, jalan itu juga

tidak boleh dilalui kenderaan kecil kerana turut dinaiki air.

“Akhirnya, saya terpaksa pulang ke rumah di Kampung Spit iaitu kira-kira 10 kilometer dari lokasi kejadian dan menghubungi rakan sekerja untuk memberitahu keadaan sebenar sebelum meminta maaf kerana tidak boleh pergi kerja,” katanya.